



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Tidak pameran tanda harga, dua premis perniagaan dikenakan kompaun \$500**

---

Tarikh: 1 Februari 2023

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan dua (2) kompaun \$500 kepada dua (2) buah premis perniagaan atas kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, semasa pemeriksaan rutin bulan Januari 2023.
2. Pihak JPES telah mendapati Syarikat Naseem Enterprise dan De Rimba Department Store Sdn Bhd gagal memaparkan tanda harga pada beberapa barangan yang dijual seperti sayur-sayuran, buah-buahan, susu tepung formula dan susu cair dalam tin. Kedua-dua syarikat perniagaan berkenaan dikenakan kompaun masing-masing berjumlah \$500.00.
3. Pada bulan ini sebanyak 16 Notis Amaran telah dikeluarkan kepada 16 buah premis perniagaan kerana menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi produk minyak masak dan gagal mematuhi peraturan paparan tanda harga iaitu tidak mempamerkan tanda harga dan memaparkan tanda harga yang mengelirukan.
4. Para peniaga diingatkan untuk sentiasa bertanggungjawab dalam menjalankan perniagaan secara beretika dengan mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan peraturan-peraturan di bawahnya dalam usaha untuk membangunkan ekosistem perniagaan domestik yang berdaya tahan.

5. Dalam kesempatan ini, JPES turut menggalakkan para pengguna untuk mengoptimalkan penggunaan saluran-saluran rasmi yang disediakan dan mudah diakses bagi menyalurkan sebarang aduan atau maklum balas berkaitan dengan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak; *hotline* Talian Darussalam 123; dan emel [aduanpengguna@jpes.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpes.gov.bn).
  
6. Sebarang maklumat lanjut mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142 juga boleh diperolehi melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak dan laman sesawang JPES di [www.deps.gov.bn](http://www.deps.gov.bn).

\*\*\*\*\*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Sebahagian daripada gambar-gambar semasa pemeriksaan

